

03 JUN 2003

Multaqa-Sekretariat

MULTAQA BINCANG PENUBUHAN SEKRETARIAT ULAMA DUNIA

PUTRAJAYA, 3 Jun (Bernama) -- Persidangan (Multaqa) Ulama Sedunia yang berlangsung di sini bulan depan akan membincangkan penubuhan Sekretariat Ulama Dunia sebagai forum untuk ulama dan pemikir Islam membincangkan isu-isu melibatkan Islam dan penyebaran pemikiran agama itu.

Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata penubuhan sekretariat itu diilhamkan sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dr Mahathir dijangka dilantik sebagai pengerusi sekretariat berkenaan," katanya pada taklimat khas kepada media di sini hari ini mengenai persidangan yang diadakan pada 9 hingga 12 Julai itu.

Beliau berkata setakat ini, kebanyakan negara Islam bersetuju dengan penubuhan badan seumpama itu dan butiran lanjut mengenainya akan diumumkan semasa persidangan nanti.

Dr Abdul Hamid berkata sekretariat berkenaan akan melibatkan ahli pemikir tempatan dan antarabangsa serta mereka yang menyumbang kepada pembangunan negara masing-masing.

"Ia tidak terhad kepada ulama tradisional semata-mata," katanya.

Mengenai persidangan berkenaan, beliau berkata objektifnya adalah untuk mencari jalan bagi memberi kefahaman sebenar tentang Islam yang kini sering disalah anggap, terutama oleh golongan bukan Islam.

Dr Abdul Hamid berkata antara perkara utama yang akan dibincangkan ialah soal akidah dan pengurusan hidup umat Islam di seluruh dunia.

"Penekanan akan diberikan kepada komponen kedua (pengurusan hidup umat Islam) kerana ia sering tertinggal dan tidak dianggap sebagai suruhan agama. Kita perlu perbetulkan tanggapan ini," katanya.

Persidangan itu juga akan membincangkan cara umat Islam menghadapi cabaran semasa berikutan pencerobohan di Iraq baru-baru.

Persidangan yang dijangka dihadiri kira-kira 670 peserta, termasuk 70 peserta dari 40 negara asing itu, akan menyaksikan pembentangan lebih 20 kertas kerja oleh ulama dan cendekiawan Islam termasuk dari Eropah dan Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

SHI MAM LAT